

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDID

N IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI F

**SATU PENILAIAN KRITIS TENTANG PERUBAHAN KURIKULUM PENDIDIKAN
MORAL DAN STRATEGI PELAKSANAANNYA**

KOGINDRAN A/L SOLUMUTHU

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIK

DRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PEN


2014

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

ABSTRAK

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif untuk meneroka perubahan dalam kurikulum Pendidikan Moral tahun 2000 dan pelaksanaannya pada tahun 2003 di sekolah-sekolah menengah kebangsaan. Kajian ini juga mengkaji masalah-masalah yang dihadapi oleh guru dalam melaksanakan perubahan kurikulum. Perubahan dalam kurikulum Pendidikan Moral dianalisis berdasarkan fokus kurikulum, kandungan kurikulum yang disemak semula, pengajaran dan kaedah pembelajaran serta sistem pentaksiran. Kajian ini juga menganalisis perubahan kurikulum yang dilaksanakan mengikut model perubahan dan strategi yang digunakan dalam menyebarkan kurikulum ini. Data ini dikumpul melalui analisis dokumen dan temubual. Data yang dikumpulkan melalui kaedah temubual ini melibatkan tujuh guru Pendidikan Moral, enam ketua panitia Pendidikan Moral, seorang pegawai dari Jabatan Pelajaran Negeri Perak dan seorang pegawai dari Pusat Perkembangan Kurikulum. Guru-guru dan Ketua-ketua Panitia adalah dari sekolah-sekolah di daerah Kinta Utara. Temubual ini telah dianalisis secara kritis. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa guru-guru mengetahui tentang perubahan kurikulum yang digubal, walau bagaimanapun, guru-guru menghadapi beberapa masalah dalam melaksanakan kurikulum. Masalah yang dihadapi adalah kekeliruan tentang nilai-nilai baru yang diperkenalkan, kekurangan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran serta pengetahuan yang tidak mencukupi tentang sistem pentaksiran.



UNIVERSITI F
UNIVERSITI F
UNIVERSITI F

A CRITICAL EVALUATION OF MORAL EDUCATION CURRICULUM CHANGES AND ITS IMPLEMENTATION IN SECONDARY

ABSTRACT

This study used a qualitative approach to explore the changes in Moral Education curriculum and its implementation in national secondary schools. The study explored the problems faced by the teachers in implementing the changes. The changes in the curriculum of Moral Education were analysed based on the focus of the curriculum, the content of the revised curriculum, teaching and learning methods as well as assessment tasks. The study analysed the curriculum change in relation to change models and strategies used to disseminate the curriculum. Data were collected through document analysis and in-depth interviews. The respondents selected for the interview were seven experienced Moral Education teachers, six head of Moral Education panel, an officer from Perak State Education Department and an officer from Curriculum Development Centre. The teachers and the head of panels were chosen from various schools in Kinta Utara district. The findings showed that the teachers knew the changes in the curriculum however, they faced several problems in implementing the curriculum. The problem related to confusion about the new values introduced in the curriculum, lack of teaching-learning materials and insufficient knowledge about the assessment systems.

**A CRITICAL EVALUATION OF MORAL EDUCATION CURRICULUM
CHANGES AND ITS IMPLEMENTATION IN SECONDARY****ABSTRACT**

This study used a qualitative approach to explore the changes in Moral Education curriculum and its implementation in national secondary schools. The study explored the problems faced by the teachers in implementing the changes. The changes in the curriculum of Moral Education were analysed based on the focus of the curriculum, the content of the revised curriculum, teaching and learning methods as well as assessment tasks. The study analysed the curriculum change in relation to change models and strategies used to disseminate the curriculum. Data were collected through document analysis and in-depth interviews. The respondents selected for the interview were seven experienced Moral Education teachers, six head of Moral Education panel, an officer from Perak State Education Department and an officer from Curriculum Development Centre. The teachers and the head of panels were chosen from various schools in Kinta Utara district. The findings showed that the teachers knew the changes in the curriculum however, they faced several problems in implementing the curriculum. The problem related to confusion about the new values introduced in the curriculum, lack of teaching-learning materials and insufficient knowledge about the assessment systems.

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	4
1.4 Objektif Kajian	6
1.5 Persoalan Kajian	7
1.6 Batasan Kajian	7
1.7 Kepentingan Kajian	8
1.8 Definisi Istilah	9
1.8.1 Perubahan Kurikulum	9
1.8.2 Kurikulum Pendidikan Moral	10
1.8.3 Model Perubahan	12
1.8.4 Strategi Perubahan	12
1.9 Kesimpulan	13

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	15
2.2	Perubahan Pendidikan di Malaysia	16
2.3	Pengenalan Kurikulum Pendidikan Moral di Malaysia	24
2.4	Perubahan Pendidikan Moral di Malaysia	29
	2.4.1 Kurikulum Pendidikan Moral (1983-2002)	29
	2.4.2 Kurikulum Pendidikan Moral (Selepas 2003)	34
2.5	Konsep Perubahan dalam Pendidikan	37
2.6	Model-model perubahan dalam pendidikan	40
	2.6.1 Model Havelock	41
	2.6.2 Model Schon	43
2.7	Strategi-strategi pelaksanaan perubahan kurikulum	44
	2.7.1 Strategi Rasional-Emperikal	46
	2.7.2 Strategi " Normatif-reeducative"	46
	2.7.3 Strategi Kuasa Paksaan	47
2.8	Kajian-kajian tentang perubahan kurikulum	47
	2.8.1 Kajian Luar Negara	48
	2.8.2 Kajian Dalam Negara	51
2.9	Kerangka Konseptual Kajian	54
2.10	Kesimpulan	57

3.1	Pengenalan	58
3.2	Kaedah pengumpulan data dan reka bentuk kajian	59
3.3	Rasional pendekatan kualitatif	61
3.4	Persampelan Kajian	62
	3.4.1 Peserta Kajian	63
3.5	Prosedur pengumpulan data	64
	3.5.1 Temubual	64
	3.5.2 Analisis Dokumen	65
3.6	Prosedur Analisis Kajian	65
3.7	Had Kajian	67
3.8	Peranan Penyelidik	68
3.9	Etika Kajian	69
3.10	Kesahan Data	71
3.11	Kesahan Instrumen	72
	3.11.1 Temubual	75
3.12	Kesimpulan	76

BAB 4 **DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pengenalan	77
4.2	Latar Belakang Responden	79
4.3	Analisis bagi Persoalan Kajian 1	83

4.3.1	Fokus	84
4.3.2	Isi Kandungan	89
4.3.3	Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)	93
4.3.4	Pentaksiran	100
4.4	Analisis bagi Persoalan Kajian 2	108
4.5	Analisis bagi Persoalan Kajian 3	117
4.5.1	Model Perubahan	117
4.5.2	Strategi Penyebaran	126
4.6	Kesimpulan	130
 BAB 5 RUMUSAN PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN		
5.1	Pengenalan	131
5.2	Rumusan Kajian	132
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	143
5.3.1	Perubahan dari segi	145
	➤ fokus,	
	➤ isi kandungan,	
	➤ pengajaran dan pembelajaran (PdP)	
	➤ pentaksiran.	
5.3.2	Masalah-masalah yang dihadapi oleh guru	151
5.3.3	Model dan Strategi Perubahan	154
5.4	Implikasi dan Cadangan	156
5.4.1	Penyelidik	157

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDID
N IDRIS	UNIVERSITI	UNIVERSITI F
5.4.2 Pelaksana atau guru Pendidikan Moral	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	159
5.4.3 Penggubal Dasar		160
5.5 Kesimpulan		162
5.6 Penutup		164
RUJUKAN		166
LAMPIRAN		
LAMPIRAN A	Contoh Jejak Audit	
LAMPIRAN B	Analisis Data	
LAMPIRAN C	Contoh Transkripsi Temubual	
LAMPIRAN D	Skrip Temubual	
LAMPIRAN E	Kebenaran Menjalankan Penyelidikan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia	

<i>Jadual</i>	<i>Muka Surat</i>
1.1 Urutan Perkembangan Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Moral Di Sekolah Menengah	2
1.2 Cadangan-cadangan ketiga-tiga laporan pada era pra-kemerdekaan	18
3.1 Persoalan kajian dan kaedah pengumpulan data	60
3.2 Butiran tentang peserta kajian	63
4.2.1 Jadual deskriptif tentang kod dan bilangan responden yang terlibat	79
4.2.2 Jadual bagi kelulusan akademik guru matapelajaran Pendidikan Moral	80
4.2.3 Jadual bagi kelulusan akademik Ketua Panitia Pendidikan Moral	80
4.2.4 Jadual bagi kelulusan akademik pegawai JPN Perak dan BPK, KPM	81
4.2.5 Jadual bagi kelulusan ikhtisas guru matapelajaran Pendidikan Moral	81
4.2.6 Jadual bagi kelulusan ikhtisas Ketua Panitia Pendidikan Moral	82
4.2.7 Jadual bagi kelulusan ikhtisas pegawai JPN Perak dan BPK, KPM	83

SENARAI RAJAH

<i>Rajah</i>	<i>Muka Surat</i>
2.2 Kerangka Konsep Kajian	55
2.3 Proses Kutipan Data	56
3.3 Prosedur analisis kajian	65
4.5.1 Proses penyebaran Semakan Kurikulum Pendidikan Moral 2000	125
4.5.2 Strategi Penyebaran Semakan Kurikulum Pendidikan Moral.	129

Singkatan	Makna
KBSR	Kurikulum Baru Sekolah Rendah
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
FPN	Falsafah Pendidikan Negara
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
PPK	Pusat Perkembangan Kurikulum
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
BPK	Bahagian Pembangunan Kurikulum
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
<i>RD&D</i>	<i>Research, Development and Diffusion Model</i>
<i>S.I.</i>	<i>Social Interaction Model</i>
<i>P.S.</i>	<i>Problem Solving Model</i>
PBB	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
<i>ICT</i>	<i>Information and Communications Technology</i>
MBMMBI	Memertabatkan Bahasa Melayu dan Memperkasakan Bahasa Inggeris
3M	Membaca, Mengira dan Menulis

4M	Membaca, Mengira, Menulis dan Menaakul
PBS	Pentaksiran Berasaskan Sekolah
LINUS	<i>Literacy and Numeracy Screening</i>
SP	Sukatan Pelajaran
HSP	Huraian Sukatan Pelajaran
PPSMTI	Pembelajaran dan Pengajaran Sains, Matematik dan Teknikal dalam Bahasa Inggeris
BPPBP	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Penyelidikan
PK	Persoalan Kajian
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
MCE	<i>Malaysian Certificate of Education</i>
STPM	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia
HSC	<i>Higher School Certificate Cambridge</i>
PHD	<i>Doctor of Philosophy</i>
KPLI	Kursus Perguruan Lepas Ijazah
GM	Guru Moral
KP	Ketua Panitia
KBKK	Kemahiran Berfikir secara Kreatif dan Kritis
JU	Jurulatih Utama
D&U	<i>Dissemination and Utilization</i>
PIPP	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
ASEAN	<i>Association of Southeast Asian Nations</i>
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
IPTS	Institut Pengajian Tinggi Swasta

KPPM

Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia

SOP

Standard Operational Procedure



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Penyelidikan ini adalah bertujuan untuk mengkaji sejarah pengenalan kurikulum Pendidikan Moral dan perkembangan kurikulum Pendidikan Moral secara terperinci. Objektif dan persoalan kajian dinyatakan dengan jelas dan kepentingan penyelidikan ini dihuraikan agar hasil dapatan penyelidikan ini dapat dimanfaatkan oleh semua pihak yang terlibat dalam kurikulum Pendidikan Moral.

1.2 Latar Belakang Kajian

Mata pelajaran Pendidikan Moral telah diperkenalkan pada tahun 1983 di bawah dasar KBSR/KBSM. Pendidikan Moral ialah mata pelajaran teras atau wajib untuk semua murid yang tidak mengambil mata pelajaran Pendidikan Islam di dalam semua peringkat persekolahan iaitu dari pra-sekolah sehingga ke Tingkatan 5 dibawah Akta Pendidikan 1996.

Di peringkat sekolah menengah, mata pelajaran ini mula diperkenalkan pada tahun 1989 di bawah KBSM dan ia telah mula dilaksanakan di semua peringkat sekolah rendah dan menengah pada tahun 1993.

Jadual 1.1 memberikan urutan perkembangan tentang sejarah pelaksanaan dan perkembangan kurikulum Pendidikan Moral sebagai satu matapelajaran teras dalam sistem pendidikan Negara.

Jadual 1.1

Urutan Perkembangan Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Moral Di Sekolah Menengah

1983	Kurikulum Baru Sekolah Rendah <i>Mula diperkenalkan di sekolah rendah.</i>
1989	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah

	<i>Mula diajar di peringkat sekolah menengah.</i>
1993	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah <i>Diuji dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)</i>
1999	<i>Semakan semula kurikulum Pendidikan Moral KBSR dan KBSM</i>
2001	<i>Penyediaan Buku Teks Pendidikan Moral KBSR dan KBSM secara berperingkat</i>
2002	<i>Kursus Orientasi Jurulatih Utama Pendidikan Moral</i>
2003	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (Semakan) <i>Pelaksanaan di peringkat rendah dan menengah (Tahun 1 dan Tahun 4 ; Tingkatan 1 dan Tingkatan 4)</i>
2009	<i>Membina dokumen standard sekolah rendah (Tahun 1 hingga Tahun 6)</i>
2010	<i>Kursus Orientasi Jurulatih Utama Pendidikan Moral KSSR (Tahun 1) Penyediaan Buku Teks Pendidikan Moral Tahun 1</i>
2011	Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) <i>Pelaksanaan KSSR, Pendidikan Moral Tahun 1</i>

Semasa kurikulum Pendidikan Moral Sekolah Menengah diperkenalkan, matlamat utama mata pelajaran Pendidikan Moral ialah untuk membentuk manusia yang berperibadi mulia melalui pemupukan, penghayatan dan penerapan amalan nilai-nilai murni dalam kalangan masyarakat Malaysia

Sukatan pelajaran Pendidikan Moral KBSM (1988)

Semasa pelaksanaannya, kurikulum Pendidikan Moral dibentuk berlandaskan dua aspek utama iaitu Falsafah Pendidikan Negara (FPN) dan Rukun Negara. Setelah pelaksanaannya lebih dari sedekad, beberapa kelemahan telahpun dikenalpasti maka wujudlah semakan kurikulum Pendidikan Moral yang diperkenalkan pada tahun 2000 dan dilaksanakan pada tahun 2003. Semakan kurikulum Pendidikan Moral 2000 digubal berlandaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK), Rukun Negara dan Sembilan cabaran di dalam Wawasan 2020.

Pengenalan dan pendedahan nilai-nilai murni melalui matapelajaran Pendidikan Moral kepada pelajar-pelajar sekolah secara langsung akan membantu aspirasi utama negara untuk melahirkan modal insan yang berakhlak mulia serta melahirkan masyarakat 'minda kelas pertama'. Kurikulum Pendidikan Moral juga harus berubah mengikut keperluan semasa masyarakat dan negara. Ini akan membantu mengeratkan perpaduan dan setiakawan masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum yang mempunyai keunikannya yang tersendiri.

1.3 Pernyataan Masalah

Kurikulum Pendidikan Moral telah disemak semula pada tahun 2000. Tujuan semakan tersebut adalah untuk mengatasi beberapa kelemahan yang wujud dalam kurikulum yang lama. Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) mula menerima

aduan tentang kelemahan dalam kurikulum Pendidikan Moral. Antara kelemahan-

kelemahan yang dikenal pasti adalah:-

1. Pengulangan isi kandungan pelajaran.
2. Kurikulum Pendidikan Moral didapati terlalu longgar kerana hanya menyenaraikan nilai-nilai tanpa isi pelajaran yang khusus dimasukkan.
3. Guru-guru menghadapi masalah dalam menentukan isi kandungan yang perlu diberikan fokus.
4. Keadaan ini menjadi semakin rumit apabila ia dinilai dalam peperiksaan kerana kepelbagaian isi kandungan yang ditentukan sendiri oleh guru mempengaruhi jawapan pelajar.
5. Keputusan peperiksaan yang menjadi ukuran pencapaian pelajar telah menimbulkan rasa tidak puas hati kepada ibu bapa dan masyarakat yang turut mempersoalkan kesahannya.

Abdul Shatar (2007)

Apabila semakan kurikulum mula dilaksanakan, sudah tentu beberapa aspek akan mengalami perubahan. Penyelidikan ini akan menilai secara kritis perubahan-perubahan yang berlaku setelah semakan semula kajian ini dijalankan. Penyelidikan ini juga akan berfokus kearah bagaimana semakan kurikulum ini telah membawa perubahan dari segi fokus pengajaran guru, kandungan isi pelajaran, kaedah penyampaian PdP dan kaedah pentaksiran yang digunakan.

Selain daripada itu, penyelidikan ini juga dijalankan untuk melihat strategi-strategi yang digunakan dalam melakukan semakan kurikulum ini dan menilai secara kritis keberkesanan strategi pelaksanaan yang digunakan dalam melaksanakan kurikulum ini.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk membuat satu penilaian kritis tentang perubahan kurikulum Pendidikan Moral yang berlaku pada tahun 2003 dan strategi pelaksanaannya dari peringkat kementerian sehinggalah ke peringkat sekolah.

Objektif kajian ini ialah :

- a. Menganalisis perubahan dalam kurikulum Pendidikan Moral yang telah berlaku pada tahun 2003.
- b. Menganalisis masalah-masalah yang dihadapi oleh guru-guru Pendidikan Moral dalam melaksanakan kurikulum Pendidikan Moral 2003.
- c. Menilai strategi dan model perubahan kurikulum yang telah digunakan dalam pelaksanaan kurikulum Pendidikan Moral pada tahun 2003.

1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah dan matlamat penyelidikan, persoalan yang akan dijawab dalam penyelidikan ini adalah seperti berikut :

1.5.1 Apakah perubahan yang terdapat dalam kurikulum Pendidikan Moral 2003 dari segi ;

- i. Fokus kurikulum ?
- ii. Kandungan kurikulum asal dan semakan kurikulum ?
- iii. Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang disarankan ?
- iv. Pentaksiran yang dicadangkan ?

1.5.2 Apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh guru-guru Pendidikan Moral dalam melaksanakan kurikulum Pendidikan Moral 2000?

1.5.3 Apakah model perubahan dan strategi penyebaran yang digunakan untuk menyebarkan kurikulum Pendidikan Moral pada tahun 2003?

1.6 Batasan Kajian

Penyelidik membatasi kajian kepada tiga aspek iaitu dari segi aspek perubahan, pelaksanaan dan pentaksiran pencapaian pelajar dalam kurikulum Pendidikan Moral 2000. Oleh yang demikian, kajian ini akan memberi tumpuan kepada guru-guru Pendidikan Moral, pegawai Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) sebagai penyebar, pelaksana serta pengurus kurikulum Pendidikan Moral 2000.

Pendekatan kajian adalah melalui pendekatan kualitatif bagi memperoleh maklumat tentang pelaksanaan kurikulum ini. Ia melibatkan kaedah temubual dan analisis dokumen. Kaedah pemilihan sampel pula adalah berdasarkan pengalaman pegawai-pegawai yang terlibat dalam pengajaran matapelajaran Pendidikan Moral di peringkat Sekolah Menengah.

Data yang dikumpulkan hanya melibatkan tujuh orang guru yang mengajar matapelajaran Pendidikan Moral di tujuh buah sekolah harian biasa di daerah Kinta Utara, enam ketua panitia matapelajaran Pendidikan Moral, seorang pegawai di Bahagian Perkembangan Kurikulum (BPK) serta seorang pegawai dari Jabatan Pendidikan Negeri Perak yang dipertanggungjawabkan untuk menguruskan matapelajaran Pendidikan Moral.

1.7 Kepentingan Kajian

Secara umumnya, dapatan kajian ini akan membantu kita melihat perubahan yang terdapat dalam kurikulum Pendidikan Moral yang mula dilaksanakan pada tahun 2003. Kajian ini juga akan memberi gambaran jelas tentang perubahan yang berlaku dari segi aspek fokus, isi kandungan, kaedah PdP dan kaedah pentaksiran.

Selain daripada itu, kajian ini juga akan membantu Kementerian

Pendidikan Malaysia terutamanya Bahagian Perkembangan Kurikulum bagi

mengetahui sejauh manakah model perubahan dan strategi yang digunakan untuk mencapai sasaran yang ditetapkan.

Kajian ini juga akan membantu semua pegawai dan guru yang terlibat secara langsung dalam PdP Pendidikan Moral untuk mengetahui secara khusus objektif perubahan kurikulum dan model perubahan yang digunakan untuk melaksanakan kurikulum baru yang mula diperkenalkan pada tahun 2003. Di samping itu, kajian ini juga dilakukan supaya ia memberi manfaat dan faedah kepada para guru yang mengajar Pendidikan Moral dari segi pelaksanaan kurikulum baru ini.

Kajian ini juga diharapkan agar dapat dijadikan sumber rujukan di semua sekolah menengah harian yang menawarkan matapelajaran Pendidikan Moral bagi mengenalpasti perubahan kurikulum, kaedah penyebaran kurikulum baru dan strategi yang digunakan dalam melaksanakan kurikulum baru ini.

1.8 Definisi Istilah

1.8.1 Perubahan Kurikulum

Kurikulum adalah rancangan pendidikan yang sentiasa mengalami perubahan. Dalam konteks pendidikan di Malaysia, perancangan dan pembentukan kurikulum (khususnya KBSR dan KBSM) adalah didasari oleh falsafah dan matlamat pendidikan negara yang menentukan arah

haluan, asas dan sumber inspirasi kepada semua usaha dan rancangan dalam bidang pendidikan.

Razali Arof (1991) menyatakan bahawa istilah atau konsep perubahan kurikulum bermakna kurikulum itu boleh diubah kepada yang lebih baik atau mungkin kepada yang lebih buruk lagi. Ini disebabkan konsep perubahan kurikulum membawa erti yang umum dan tidak khusus. Memang tidak dapat dinafikan bahawa sesuatu perubahan itu boleh membawa kepada hakikat yang lebih baik lagi atau lebih buruk lagi. Walau bagaimanapun, ia tidak bermakna sesuatu perubahan itu tidak boleh dilakukan.

1.8.2 Kurikulum Pendidikan Moral

“*Curriculum*” dalam bahasa Yunani kuno berasal dari kata “*Curir*” yang membawa maksud pelari dan “*Curere*” yang bererti tempat berpacu. *Curriculum* boleh didefinisikan sebagai satu jarak yang harus ditempuhi oleh pelari. Berdasarkan makna yang terkandung dalam rumusan masalah tersebut kurikulum dalam pendidikan diertikan sebagai sejumlah mata pelajaran yang harus ditempuh atau diselesaikan oleh pelajar-pelajar untuk melepasi peringkat-peringkat dalam sistem pendidikan yang bermula dari peringkat sekolah rendah, sekolah menengah, pra-universiti, dan akhir sekali peringkat